

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]
TARIKH : 24 MAC 2015
SOALAN :

YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengguna pakai rawatan alternatif sebagaimana yang ditawarkan oleh Majlis Perubatan Elektronik Malaysia; dan bagaimana pula dengan kaedah rawatan yang dikendalikan oleh dukun dan bomoh serta kaedah penyembuhan batin.

Tuan Yang Dipertua,

Adalah merupakan visi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) secara optima ke dalam Sistem Penjagaan Kesihatan Kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup.

Sehingga tahun 2015, sebanyak 15 unit PT&K telah ditubuhkan di hospital Kerajaan. Antara perkhidmatan PT&K yang ditawarkan pada ketika ini adalah rawatanurut Melayu / tradisional dan rawatan akupunktur bagi pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan pesakit pasca angin ahmar, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan perbidanan Melayu bagi ibu-ibu selepas bersalin dan rawatan Shirodhara bagi membantu pesakit yang mengalami kemurungan, kesukaran tidur (*insomnia*), kerisauan (*anxiety*) dan meredakan tekanan (*stress*).

Untuk makluman Ahli Dewan semua, konsep PT&K yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau rawatan komplementari kepada perubatan moden dan bukan sebagai rawatan alternatif. Secara umumnya, pihak Kementerian perlu menjalankan kajian dan penilaian ke atas sesuatu perkhidmatan PT&K sebelum perkhidmatan tersebut diperkenalkan di fasiliti kesihatan Kerajaan. Ini termasuk:-

- (i) memastikan perkhidmatan yang berkenaan mempunyai bukti keberkesanan yang kukuh;
- (ii) bertindak sebagai pelengkap kepada rawatan perubatan moden yang sedia ada dalam mengurangkan beban penyakit (*disease burden*); dan
- (iii) mengenalpasti dan menetapkan indikasi dan proses kerja yang bersesuaian.

Selain itu, pihak Kementerian akan mempertimbangkan implikasi kewangan serta keperluan perkhidmatan tersebut untuk diperkenalkan di fasiliti kesihatan kerajaan. Faktor-faktor seperti keperluan fasiliti, peralatan, sumber pengamal yang menyediakan perkhidmatan dan

sebagainya juga akan diambilkira. Sekiranya mendapati bahawa dengan memperkenalkan perkhidmatan tersebut akan membawa manfaat dalam proses penyembuhan dan pemeliharaan kesihatan pesakit, maka perkhidmatan tersebut akan diperkenalkan di fasiliti kesihatan kerajaan yang telah dikenalpasti.

Sebelum sesuatu perkhidmatan PT&K ditawarkan di fasiliti kesihatan kerajaan, pihak Kementerian akan membangunkan garis panduan untuk perkhidmatan tersebut, di mana garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur rawatan yang terlibat serta pembangunan regim yang bersesuaian untuk indikasi yang telah dikenalpasti. Garis panduan ini akan dijadikan rujukan kepada pengamal yang menyediakan perkhidmatan dan juga kepada pihak pengurusan untuk memantau kualiti perkhidmatan yang disediakan. Mekanisme ini akan memastikan perkhidmatan yang diterima oleh pesakit adalah selamat dan berkualiti.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mengenalpasti perkhidmatan PT&K yang bersesuaian untuk diperkenalkan di fasiliti kesihatan Kerajaan dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Akta PT&K 2013 telah diwartakan pada 8 Februari 2013 dan sedang menunggu tarikh penguatkuasaan. Akta ini bertujuan untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Berdasarkan Akta ini, Kementerian telah mengenalpasti enam (6) bidang amalan utama di bawah PT&K iaitu

perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari.

Apabila Akta PT&K 2013 dikuatkuasakan, sebuah Majlis iaitu Majlis PT&K akan ditubuhkan. Majlis PT&K akan menetapkan bidang amalan PT&K yang diiktiraf di Malaysia dan semua pengamal PT&K bagi bidang amalan PT&K yang diiktiraf perlu berdaftar dengan Majlis mengikut kriteria pendaftaran yang ditetapkan. Penetapan bidang amalan PT&K yang diiktiraf oleh Majlis PT&K akan membantu Kementerian ini dalam mengenalpastikan perkhidmatan PT&K yang bersesuaian untuk diperkenalkan di fasiliti kesihatan Kerajaan.